

Lima kampung dihakimi bagi Projek Anugerah Kampung Cemerlang

Oleh Haji Minor Absah

TEMBURONG, Isnin – Penghakiman Kali Ke-2 Projek Anugerah Kampung Cemerlang Daerah Temburong Tahun 2008 diadakan hari ini dengan sebanyak lima buah kampung dihakimkan daripada 15 kampung yang dipertandingkan.

Kampung-kampung berkenaan ialah Kampung Senakuh Mukim Labu, Kampung Labu Estate Mukim Labu, Kampung Batu Apoi Mukim Batu Apoi, Kampung Tanjung Bungar Mukim Batu Apoi dan Kampung Menengah Mukim Bangar.

Antara fokus utama penghakiman kali ini ialah projek-projek yang dipertandingkan dan hakim juga turut menyaksikan perkembangan dan kemajuan setiap projek

yang dipertandingkan.

Yang hadir dalam sesi penghakiman berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Matusin Haji Tuba selaku Pengerusi Panel Hakim, Penolong Pegawai Daerah Pengiran Mohd Aminizal Pengiran Haji Mahmud selaku Ketua Hakim Projek Anugerah Kampung Cemerlang 2008 serta hakim-hakim yang terdiri daripada para pegawai dari agensi-agensi berkenaan.

Sepuluh buah kampung akan dipertandingkan lagi pada Rabu 22 Oktober ini dan pada Sabtu 25 Oktober akan datang.

Salah satu projek kampung yang menyertai penghakiman berkenaan.

